

Bil. S 25

**AKTA PASPORT
(PENGGAL 146)**

PERINTAH PASPORT (VISA) (PENGECUALIAN) (PINDAAN), 2016

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
 2. Pindaan Jadual Ketiga kepada O1 dari Penggal 146
 3. Pindaan Jadual Keempat
-

**AKTA PASPORT
(PENGGAL 146)**

PERINTAH PASPORT (VISA) (PENGECUALIAN) (PINDAAN), 2016

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 4 dari Akta Pasport, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pasport (Visa) (Pengecualian) (Pindaan), 2016 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Januari 2016.

Pindaan Jadual Ketiga kepada O1 dari Penggal 146

2. Jadual Ketiga kepada Perintah Pasport (Visa) (Pengecualian), dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda dengan memasukkan “Republik Croatia” sejurus sebelum “Republik Cyprus”.

Pindaan Jadual Keempat

3. Jadual Keempat kepada Perintah utama adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan “Republik Croatia” sejurus sebelum “Republik Cyprus”;

(b) dengan memasukkan “Principality of Liechtenstein” sejurus sebelum “Republik Bulgaria”.

Diperbuat pada hari ini 8 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1437 bersamaan dengan 16 haribulan April, 2016 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**